

03 NOV 1998

Pemuda-Singapura

PEMUDA UMNO SAMBUT BAIK HASRAT SINGAPURA BAIKI HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyambut baik hasrat Singapura mengembalikan hubungan baik dua hala Malaysia-Singapura demi kesejahteraan serantau.

Pengerusi Majlis Hal Ehwat Antarabangsa Pergerakan itu Abdul Azim Mohd Zabidi berkata kenyataan Perdana Menteri republik itu Goh Chok Tong semalam, yang mahu pertelagahan di kalangan anggota negara-negara Asean dihentikan, sebagai satu usaha yang sesuai dan bertepatan dengan keadaan rantau ini yang mengalami kelembapan ekonomi.

Beliau berkata jalan keluar terbaik menyelesaikan konflik kedua-dua negara ialah dengan menggandakan usaha kerjasama dan mengurangkan kenyataan dan tindakan yang akan melambatkan proses mengatasi tekanan ekonomi Malaysia dan Singapura.

Akhbar republik itu memetik Goh sebagai berkata bahawa status Asean di peringkat antarabangsa mungkin terjejas jika negara-negara anggotanya terus bertelagah sesama sendiri.

Goh juga dilaporkan akan menemui pemimpin Asean lain termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berlangsungnya sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini pada pertengahan bulan ini bagi mencari jalan mengukuhkan hubungan sesama negara anggota.

Hubungan Singapura dan Malaysia terjejas sejak kebelakangan ini berikutan perbalahan mengenai prosedur kastam dan imigresen serta dakwaan tentera udara Singapura mencerooboh ruang udara Malaysia.

Abdul Azim berkata pandangan Goh itu boleh dilihat sebagai usaha awal ke arah menjayakan persidangan Apec dan diharap para pemimpin lain dalam Asean akan mengambil sikap yang sama.

Bagi merealisasikan hasrat itu, beliau menasihati media Singapura supaya menghentikan perbuatan melapor berita-berita yang boleh menjejaskan usaha memulihkan hubungan dua hala yang diusahakan oleh para pemimpin.

"Pemuda Umno yakin bahawa kita akan dapat memainkan peranan bagi merealisasikan hasrat pemimpin dan hubungan yang pernah terjalin dengan Pemuda PAP akan dimanfaatkan dengan dijadikan sebagai saluran rasmi menjayakan aspirasi itu," katanya.

--BERNAMA

AKT NAK